

07/06/2001

Fasa kedua bangunan Putrajaya bermula

PUTRAJAYA Holdings Sdn Bhd (PHSB) hampir menyelesaikan projek pembangunan fasa satu bandar raya Putrajaya, dan kini membangunkan fasa kedua yang akan meliputi pembinaan pusat perdagangan moden.

Berikutan itu, PHSB akan melaksanakan kempen pemasaran menyeluruh bagi menarik perhatian pelabur mengenai potensi pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu sebagai sebuah kawasan komersial baru di negara ini.

Ini kerana, bagi tujuan pembangunannya, sebahagian kawasan komersial itu akan dibangunkan PHSB sendiri manakala sebahagian lagi akan dijual untuk dimajukan oleh pelabur tempatan serta asing.

Sehingga kini pembangunan fasa kedua itu sudah mencapai 30 peratus dengan bahagian pertama, iaitu sebuah pusat beli-belah dengan keluasan lantai kira-kira 300,000 meter persegi dijangka siap akhir tahun depan.

Bagaimanapun, keseluruhan pembangunan fasa kedua itu dijangka siap sepenuhnya pada 2014 atau 2015, kata Ketua Eksekutif PHSB, Datuk Mohd Hashim Hassan ketika taklimat dan lawatan media ke tapak kawasan komersial Putrajaya, semalam.

Taklimat dan lawatan itu adalah bersempena pelancaran kawasan komersial berkenaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Jumaat minggu depan.

Mohd Hashim berkata, Putrajaya menawarkan empat kawasan komersial, iaitu Daerah Perniagaan Bahagian Utara yang terletak di Presint 1; Daerah Perniagaan Barat di Presint 7 dan Presint 8; Daerah Perniagaan Selatan di Presint 5 dan Daerah Perniagaan Pusat di Presint 2, Presint 3 dan Presint 4.

Keseluruhannya keempat-empat daerah perniagaan itu membabitkan kawasan 129.5 hektar atau 2.9 peratus daripada kawasan Putrajaya seluas 4,581 hektar dengan potensi menyediakan keluasan lantai kasar bagi kegunaan komersial kira-kira 15 juta kaki persegi, katanya.

"Ia akan dibangunkan dengan kawasan runcitan, pejabat, hotel, kondominium, pangsapuri, pasar perayaan, taman tema air, pusat dan institusi perubatan serta bazar, di samping peruntukan perniagaan perkhidmatan, pelancongan dan persidangan," katanya.

Mohd Hashim menjelaskan, pembangunan komersial bagi setiap daerah perniagaan itu akan dikhususkan kepada pasaran tertentu dengan utara dan barat untuk pertengahan, selatan (pertengahan mewah) manakala pusat (mewah).

Beliau berkata, sesetengah daripada pembangunan kawasan komersial itu sudah bermula termasuk pusat-beli belah di Daerah Perniagaan Utara atau dikenali sebagai Parcel Z.

Pusat membeli-belah dengan keluasan lantai 300,000 meter persegi itu akan mengandungi sebuah pasar raya besar, pasar raya penyewa utama, kedai, pusat makanan, pawagam dan pusat bowling.

"Beberapa pengendali pasar raya dan pasar raya besar utama tempatan sudah menunjukkan minat menjadi penyewa utama pusat membeli-belah itu yang dijangka siap akhir tahun depan.

Selain pusat membeli-belah, kawasan di Parcel Z seluas kira-kira 22 hektar turut ditawarkan untuk jualan bagi dibangunkan dengan bangunan pejabat, hotel serta bangunan komersial lain.

Mengenai kuasa beli di Putrajaya, beliau berkata, ia dikelilingi oleh 4.5 juta penduduk yang tinggal dalam kawasan lingkungan sejam memandu daripada bandaraya berkenaan.

Bandar raya itu sendiri, menjelang 2003 akan mempunyai penduduk seramai 80,000.

(END)